

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.03.01/10.12/3 (8)  
Tarikh : 03 Oktober 2017

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.  
YH Prof. Dato/ YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2017  
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PRODUK KERTAS MESRA ALAM (KERTAS A3, A4 DAN  
KERTAS BERWARNA A4) KE PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB DI UNIVERSITI MALAYSIA  
PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan **Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2017: Membekal Dan Menghantar Produk Kertas Mesra Alam (Kertas A3, A4 Dan Kertas Berwarna A4) Ke Pusat-Pusat Tanggungjawab Di Universiti Malaysia Pahang** untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato/ YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang

ZO/HA/Pekeliling Bendahari

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2017**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.  
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

### **MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PRODUK KERTAS MESRA ALAM (KERTAS A3, A4 DAN KERTAS BERWARNA A4) KE PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bahawa pembelian bagi kertas mesra alam (kertas A3, A4 dan kertas berwarna A4) perlu dibeli secara terus daripada syarikat yang telah dilantik oleh pihak Universiti seperti di **Lampiran 1**.

#### **LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Sebutarga Universiti Bil 7 Tahun 2017 telah meluluskan pelantikan NTH Marketing Sdn. Bhd bagi tempoh dua (2) tahun melalui kontrak UMP/BEND/SH/2017(6): Membekal Dan Menghantar Produk Kertas Mesra Alam (Kertas A3, A4 Dan Kertas Berwarna A4) Ke Pusat-Pusat Tanggungjawab Di Universiti Malaysia Pahang.

2.2 Dengan berkuatkusanya surat pekeliling ini, semua PTJ tidak lagi dibenarkan menguruskan pembelian sendiri dan hendaklah membuat pesanan kertas putih dan kertas berwarna secara terus kepada syarikat yang telah dilantik seperti **Lampiran 1**.

## **PROSEDUR / TATACARA PELAKSANAAN**


- 3.1 PTJ hendaklah menghubungi pihak syarikat bagi membuat tempahan jenis item dan kuantiti kertas;
- 3.2 Setiap tempahan hendaklah disertakan dengan pesanan tempatan;
- 3.3 Nombor kontrak hendaklah dicatatkan dalam pesanan tempatan;
- 3.4 Peruntukan PTJ hendaklah mencukupi bagi setiap tempahan;
- 3.5 Universiti berhak untuk tidak membuat pembayaran bagi mana-mana pembelian kertas yang tidak dibuat melalui syarikat yang telah dilantik.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2017.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan  
Universiti Malaysia Pahang

Selasa, 3 Oktober 2017

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar

## LAMPIRAN 1

Tarikh Kelulusan	:	27 September 2017
No Kontrak	:	UMP/BEND/SH/2017(6)
Tajuk Kontrak	:	Membekal Dan Menghantar Produk Kertas Mesra Alam (Kertas A3, A4 Dan Kertas Berwarna A4) Ke Pusat-Pusat Tanggungjawab Di Universiti Malaysia Pahang
Nama Syarikat	:	NTH Marketing Sdn. Bhd. (776821-D) (Gst No. : 001477902336) B-24, Ground Floor, Jalan Bukit Sekilau, 25200 Kuantan, Pahang
Nama Untuk Dihubungi	:	Mr. Ng Teck Huat
No Telefon/ Faksimili	:	09-5133113/ 09-5136226
Tempoh Kontrak	:	2 Tahun
Tarikh Mula	:	16 Oktober 2017
Tarikh Tamat	:	15 Oktober 2019

### JENIS-JENIS KERTAS:

Bil	Nama Alat	Jenama/Model/ Pembuat	Kuantiti	Harga Seunit Tanpa GST (RM / Rim)	Harga GST 6% (RM / Rim)
1.	Kertas A4 Putih 80 gram	Double A/ 500 Helai Thailand	1 Rim	12.00	0.72
2.	Kertas A4 Putih 70 gram	Double A/ 500 Helai Thailand	1 Rim	10.00	0.60
3.	Kertas A3 Putih 80 gram	Double A/ 500 Helai Thailand	1 Rim	27.80	1.67
4.	Kertas A4 Berwarna 80 gram (Hijau Muda, Kuning, Biru Muda & Merah Jambu)	Sunflower/ 450 Helai Indonesia	1 Rim	14.80	0.89